

# LENISA



LENISA MBBJ BIL : 1/2025 | JANUARI - JUN 2025



## Sesi 'Clock-In' Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru Kali ke-14



'WALKABOUT' DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE PUSAT BANDAR



MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN DI MIP PLANNING AWARDS 2024



SIMPOSIUM PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR (JS-SEZ)



IMBAS QR KOD PERASMIAN RASMI MBBJ



*Penaung*  
Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad  
Datuk Bandar Johor Bahru

*Ketua Pengarang*  
Tuan Haji Harulisam bin Ismail

*Penasihat 1*  
Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan  
Setiausaha

*Pengarang/ Kolumis*  
Cik Radhiah binti Haji Sutan Ibrahim

*Pengarang/ Kolumis*  
Encik Muhammad Iqbal Arami bin  
Mohamed Sharif

*Penasihat 2*  
Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha

*Pengarang/ Kolumis*  
Cik Nurul Shafina binti Shaari

*Pengarang/ Kolumis*  
Puan Nur Quratuaini  
binti Kamaruzaman

*Jurufoto*  
Encik Romzi bin Yusof

*Jurufoto*  
Tuan Hj Bahri bin Abdullah



QR CODE  
DIREKTORI MBBJ

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara **PERCUMA**. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

**HAK CIPTA TERPELIHARA.** Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## INTISARI BULETIN 'LENSA BANDAR RAYA JB'

MS		MS	
3	MAJLIS SEKALUNG BUDI DATUK BANDAR KE-13 'CLOCK-IN' DATUK BANDAR -14 & SESI TERIMA DAN SERAH TUGAS	12&13	KILAS LENSA
4	LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE	14	- PROGRAM TRANSFORMASI TVETMBJB@TEBRAU - JB DISCOVERY HUNT 2025
5	JABATAN & 'WALKABOUT' KE PUSAT BANDAR	15	- PERTANDINGAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025 - PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN PENDIDIKAN KELESTARIAN 2024
6	- MBBJ TERIMA ANUGERAH MIPPEA 2024 - PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2025	16	PODCAST LEPAK BANDO JB
7	- SESI LELONG MBBJ - REWANG RENDANG RAMADAN MBBJ 2025	17	SUDUT KENALI
8- 9	INFO LAWATAN	18	UJI MINDA
10	- SIMPÓSIUM PENJAWAT AWAM (JS-SEZ) - RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBBJ 2025	19	RECAP 2024
11	- ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024 - MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BANDAR PINTAR	20&21	PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK MBBJ
		22	ZON AHLI MAJLIS & KOMUNITI
		23	MBJB SANA SINI



# MAJLIS SANJUNGAN BUDI TAUTAN KASIH

## DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-13,

### YANG BERTAMBAH DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN

Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan seluruh warga kerja MBBJ bersama merayakan Majlis Sanjungan Budi Tautan Kasih Datuk Bandar Johor Bahru Ke-13 sebelum menyaksikan Sesi 'Clock Out' Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman yang menamatkan perkhidmatan beliau bersama MBBJ pada 13 Januari 2025 yang lalu.

Sejak awal perkhidmatan bersama MBBJ pada 15 Ogos 2021, banyak pencapaian yang membanggakan telah dikecapi bersama di bawah kepimpinan beliau dalam membantu meningkatkan nama organisasi MBBJ ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terlebih dahulu, YB Dato' Mohd Noorazam bersama-sama Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan seluruh warga kerja MBBJ telah menunaikan solat zuhur berjemaah sebelum membacakan tahlil ringkas secara bersama.

Seluruh warga MBBJ mengucapkan selamat maju jaya serta mendoakan agar YB Dato' terus dikurniakan rahmat, kesihatan, kebahagiaan dan kecemerlangan dalam segenap aspek kehidupan dalam masa-masa akan datang.



*Terima kasih  
Yang Berhormat Dato' Haji Mohd  
Noorazam bin Dato' Haji Osman.  
Jasamu dikenang, budimu  
disanjung, baktimu dijunjung.*





## Sesi 'Clock In' Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru Kali ke-14

Seluruh warga MBBJ mengucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Johor Bahru ke-14.

Beliau secara rasminya memulakan perkhidmatan di MBBJ pada 14 Januari 2025 dengan sesi simbolik 'clock-in' diiringi oleh Ahli-Ahli Majlis, ketua jabatan dan pegawai MBBJ.

Semoga dengan kepimpinan dan visi beliau, MBBJ kekal cemerlang memacu pembangunan Johor Bahru ke arah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.

## Majlis Serah Terima Tugas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pada 15 Januari 2025, Majlis Menandatangani Nota Serah Tugas Datuk Bandar telah disempurnakan di Dewan Inai Merah oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman bersama-sama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad yang dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru yang ke-14.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman atas segala jasa dan sumbangan sepanjang perkhidmatan beliau di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



# LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE JABATAN DALAMAN MBBJ



Pada 23 Januari 2025, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Johor Bahru ke-14 berkesempatan meluangkan masanya untuk beramah mesra dengan anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan membuat lawatan ke jabatan dalaman MBBJ. Dalam pada masa yang sama, Datuk Bandar juga diberi sesi taklimat ringkas daripada jabatan terlibat mengenai carta organisasi, fungsi dan peranan jabatan masing-masing di MBBJ.

## "WALKABOUT" DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE PUSAT BANDAR

25.1.2025

Datuk Bandar Johor Bahru juga membuat tinjauan turun padang / "walkabout" ke pusat bandar Johor Bahru untuk melihat keadaan warga bandar raya dan suasana bandar raya Johor Bahru pada waktu malam. Turut serta dalam sesi "walkabout" tersebut ialah ketua-ketua jabatan MBBJ.



# MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN DI MIP PLANNING AWARDS 2024

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima empat (4) Anugerah di MIP Planning Excellence Awards 2024 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 25 Januari 2025 di Majestic Hotel Kuala Lumpur.

4 Anugerah yang diterima ialah:

1. Gold Award kategori Strategic Planning Award (Local Level) bagi projek Tebrau Riverescue.
2. Silver Award kategori Low Carbon Award (Community & Lifestyle) bagi projek JB Low Carbon Lifestyle.
3. Bronze Award kategori Smart City Award (City Wide IOC - Command Centre) bagi projek Johor Bahru Integrated Operations Command Centre.
4. Special Mention category Smart City Award (City Wide IOC - Command Centre) bagi projek Urban Observatory@GeoJB.

.Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan inisiatif ini. Semoga usaha membudayakan elemen bandar pintar, kehijauan, kebersihan dan kelestarian di bandar raya ini terus subur untuk manfaat setiap warga bandar raya.



## PERHIMPUNAN AWAL TAHUN & AMANAT DATUK BANDAR MBJB 2025



Pada 24 Februari 2025, perhimpunan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat anggota berserta pegawai penguatkuasa MBJB oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar MBJB sebelum sesi bacaan ikrar oleh seluruh warga kerja MBJB.

Amanat YB Datuk Bandar telah menyentuh perkara-perkara penting seperti integriti dalam pelaksanaan tugas, transformasi kerja serta pendigitalan proses bagi memudahkan urusan awam, kesediaan bandar raya bagi Tahun Melawat Johor 2026, serta penambahbaikan tugas perkhidmatan kepada rakyat.

Selain daripada amanat Datuk Bandar, perhimpunan diisi dengan bacaan Ikrar Rukun Negara, Ikrar Perkhidmatan Awam, Ikrar Taat Setia (Aku Janji) dan Ikrar Bebas Rasuah MBJB.

Perhimpunan Awal Tahun MBJB 2025 telah diakhiri dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Azamudin Bin Zainal, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengenai topik Pekerja Cemerlang Duniawi & Ukhrawi.

# MBJB Teruskan Sesi Jualan Lelong Sisa Kenderaan



Pada 25 Februari 2025, Jualan Lelong Sisa (Kenderaan Buruk Sitaan MBBJ) Bil. 1/2025 telah berjaya diadakan di Panggung Cempaka Menara MBBJ. Sesi lelongan ini melibatkan sebanyak 724 unit kenderaan buruk sitaan dibahagikan kepada 73 lot. Seramai 54 orang pembida telah hadir mendaftar dalam sesi lelongan.

Untuk makluman warga bandar raya, kategori kenderaan buruk yang dilelong hari ini melibatkan kenderaan buruk yang ditunda dan dialihkan mengikut kesalahan di bawah Seksyen 46 (1)(g) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan yang tidak dituntut.

MBJB mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada sesi lelongan ini dan seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat dan MBBJ dalam pengurusan sisa kenderaan.



# Rewang Rendang Ramadan MBBJ 2025



Pada 19 Mac 2025, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya melaksanakan program Rewang Rendang Ramadan MBBJ 2025. Lebih 7,500 bungkusan juadah rendang telah diagihkan kepada warga Johor Bahru di tiga lokasi utama iaitu di Dataran Bandaraya Johor Bahru, Kilometer Sifar (OKM) dan Stadium Tertutup Arena Larkin, Johor Bahru.

Walaupun dalam cuaca hujan, edaran bungkusan tetap berjalan lancar dan berjaya diselesaikan dalam masa hanya 1 jam sahaja. Agihan juadah ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar MBBJ, bersama YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor merangkap ADUN Larkin, serta barisan kepimpinan MBBJ YBhg Dato' Haji A. Aziz Bin Ahmad (Ketua WHIP MBBJ), Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan (Setiausaha MBBJ), Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad (Timbalan Setiausaha MBBJ), Ahli-Ahli Majlis MBBJ serta warga kerja MBBJ yang turut sama berganding bahu menjayakan program ini.





**LAWATAN PENANDAARASAN REKA BENTUK & PENGURUSAN MENARA MBJB SERTA PENGURUSAN ANJING LIAR – 22 JANUARI 2025**

Info: Seramai 60 orang delegasi dari Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Abd Hamid bin Hussain, Datuk Bandar MBDK, telah disambut oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Johor Bahru, Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan, Setiausaha MBJB, Ir. Hajah Nazatul Shima Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB serta pegawai MBJB. Delegasi MBDK telah diberikan taklimat berkenaan reka bentuk bangunan oleh Puan Masliza binti Samuri, Ketua Penolong Pengarah Bangunan MBJB manakala taklimat berkenaan pengurusan anjing liar pula telah disampaikan oleh Encik Baijuri bin Ahmad, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.



**LAWATAN PENANDAARASAN PENGURUSAN BANDAR PINTAR – 25 FEBRUARI 2025**

Info: Seramai 37 orang delegasi dari Majlis Perbandaran Manjung yang diketuai oleh Tn. Muhammad Faizal Shah bin Safian Suri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung telah hadir ke Menara MBJB bagi lawatan penandaarasan pengurusan bandar pintar bagi perkongsian berkaitan pencapaian MBJB dalam program penarafan bandar pintar Malaysia Tahap 2 : Developing Smart City serta operasi dan integrasi data di Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC). Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Norbaizura Bt Md Zin, Ketua Penolong Pengarah Perancangan Pembangunan (Rancangan Pemajuan).



**LAWATAN SAMBIL BELAJAR AHLI MAJLIS DAERAH KANOWIT, SARAWAK KE MBJB – 4 MAC 2025**

Info : Seramai 29 orang delegasi dari Majlis Daerah Kanowit yang diketuai oleh Yang Berbahagia Puan Jackline Bt August @ August Jahar, Pengerusi Majlis Daerah Kanowit hadir ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Delegasi Majlis Daerah Kanowit yang merangkumi Ahli Majlis di setiap zon Majlis Daerah Kanowit telah diberikan taklimat korporat oleh En Harulisam bin Ismail, Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam MBJB dan seterusnya taklimat berkenaan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam oleh En. Ts. Mohd Faizal bin Hassan, Taklimat Pengurusan Kawasan Hijau dan Taman Awam oleh Puan Sharifah Roziah binti Syed Abdul Gaffar dan Taklimat berkenaan Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) oleh Puan Norasmah binti Tukiman.



**LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS DAERAH KAPIT – 13 MAC 2025**

Info: Seramai 9 orang delegasi dari Majlis Daerah Kapit (MDK) yang diketuai oleh YBhg Cr. Lating Ak Minggang, Walikota MDK telah hadir ke Perpustakaan Sultan Ismail MBJB bagi Sesi Bengkel dan Penyediaan Kertas Kerja bagi Sudut Engkabang (Sustainable Corner). Delegasi MDK telah diberikan taklimat berkenaan Sudut Lestari MBJB oleh Tengku Tarmizi bin T. Aziz, Pustakawan MBJB.



**LAWATAN PENANDAARASAN DARI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI – 25 MAC 2025**

Info : Seramai 13 orang delegasi dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) yang diketuai oleh En. Muhamad Zul Asyraf bin Ismail, Penolong Pengarah (Tred Perniagaan), telah hadir ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi lawatan penandaarasan Inisiatif Pendigitalan Pelesenan bagi perkongsian maklumat dan pengalaman mengenai sistem dan prosedur kerja yang dilaksanakan di Jabatan Pelesenan MBJB. Delegasi telah diberikan taklimat berkenaan Inisiatif Pendigitalan Pelesenan oleh Encik Hazrin bin Ahmad, Pengarah Pelesenan MBJB.




**LAWATAN PENANDAARASAN OLEH JAWATANKUASA KHAS KABINET JABATAN PREMIER SARAWAK KE MBJB – 15 APRIL 2025**

Info: Seramai 11 orang delegasi dari Jabatan Premier Sarawak (JPS) yang diketuai oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda bin Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman), telah hadir ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi memahami sistem tadbir urus MBJB dengan mengkaji sumber pendapatan agensi yang sedia ada. Delegasi telah diberikan taklimat berkenaan latar belakang korporat MBJB yang disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Aziz bin Ithnin, Pengarah Khidmat Pengurusan MBJB manakala taklimat Jabatan Perbendaharaan MBJB pula telah disampaikan oleh Puan Fadzlina binti Abdul Malek, Pengarah Perbendaharaan MBJB. Turut sama hadir ialah Penasihat Undang-Undang, Pengarah Penilaian dan Pengarah Penguatkuasaan MBJB.



**LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU- 20 MEI 2025**

Info: Seramai 28 orang pegawai daripada Majlis Perbandaran Kajang berkunjung ke Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi mempelajari ilmu berkaitan pembangunan bandar pintar serta pengoperasian "Johor Bahru Integrated Operations Control Centre" (JBIOCC).



**SESI LAWATAN DAN BENGKEL SUDUT LESTARI "BINTULU DEVELOPMENT AUTHORITY" DI JOHOR BAHRU- 21-23 MEI 2025**

Info: Seramai 13 orang pegawai dari "Bintulu Development Authority" telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Perpustakaan Sultan Ismail, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Lawatan ini diadakan bertujuan mempelajari pelaksanaan bagi mewujudkan sebuah "Sudut Lestari" di Bintulu.



**LAWATAN PENANDAARAS MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU - 27 MEI 2025**

Info: Seramai 28 orang delegasi dari Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkunjung ke Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi sesi bertukar pendapat dan pengalaman berkaitan pengurusan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



**LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM KE JABATAN PELESENAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU - 30 MEI 2025**

Info: Seramai 40 orang delegasi dari Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang diketuai oleh Yang Berusaha Encik Mohd Rizal bin Johari, Pemangku Pengarah Pelesenan MBSA telah hadir ke Menara MBBJ bagi pertukaran ilmu dan berkongsi maklumat berkaitan pelesenan dan fungsi penjaja di MBBJ. Taklimat berkaitan Pelesenan pula telah disampaikan oleh Puan Nur Afiah manakala dalam sesi soal jawab pula telah diberikan penerangan oleh Encik Mohd Rusydi bin Md Dean, Ketua Penolong Pengarah Pelesenan MBBJ.

**LAWATAN BERMAKLUMAT DELEGASI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU - 19 JUN 2025**



Info: Seramai 25 orang delegasi dari Kerajaan Negeri Terengganu dan PLANMalaysia Terengganu yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Terengganu hadir ke Menara MBBJ bagi perkongsian maklumat berkenaan "Johor Fast Lane" dan fungsi "Johor Bahru Integrated Operations Control Centre" (JBIOCC) di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Delegasi ini mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Datuk Bandar dan telah disambut oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru seterusnya mendengar tiga siri taklimat iaitu taklimat "Johor Fast Lane" yang disampaikan oleh Puan Hajah Zahrah binti Mokhtar, Ketua Unit Hentian Setempat (OSC), Taklimat berkenaan "Smart Cities" telah disampaikan oleh Puan Norbaizura binti Md Zin, Ketua Penolong Pengarah Perancangan Pembangunan manakala taklimat berkenaan JBIOCC disampaikan oleh Encik Ts. Ir. Choo Kok Wah, Penolong Pengarah Pengangkutan Bandar MBBJ.

## SIMPOSIUM PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR - MENELUSURI PELAKSANAAN JOHOR SINGAPORE SPECIAL ECONOMIC ZONE (JS-SEZ)

Simposium Penjawat Awam Negeri Johor yang diadakan pada 18 April 2025 lalu di Menara MBBJ, Bukit Senyum, menelusuri pelaksanaan Johor Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ). Menyahut seruan YAB Menteri Besar Johor, pelbagai potensi dan peluang untuk meningkatkan ekonomi negeri Johor menerusi insentif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri. Tahun 2025 adalah tahun kritikal dan memerlukan kerja keras dan komitmen daripada semua pihak.



## Rumah Terbuka Aidilfitri

MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU 2025



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MBBJ yang diadakan pada 29 April 2025 telah berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 10,000 tetamu dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk para tetamu kehormat yang turut memeriahkan suasana. Majlis diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar MBBJ serta YBhg. Datin Hajah Norita binti Zaini, Pengerusi PUSPANITA MBBJ.



Turut hadir YBhg Dato' Haji A. Aziz Bin Ahmad, Ketua WHIP MBBJ, Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan, Tuan Setiausaha MBBJ, Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, Ahli-Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBBJ.

Majlis dimulakan dengan alunan selawat dan marhaban, diikuti bacaan doa penuh penghayatan sebelum para tetamu menikmati jamuan istimewa Aidilfitri. Suasana keceriaan ini turut dikongsi bersama anak-anak yatim dari Rumah Barkat yang diraikan dengan penuh kasih sayang.



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024 MERIAH

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) tahun 2024 telah diadakan pada 6 Mei 2025 di Dewan Kenanga, Menara MBJB. Majlis ini diadakan bagi menzahirkan penghargaan dan memberikan pengiktirafan kepada warga kerja MBJB yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2024. Seramai 105 anggota telah menerima APC bagi tahun 2024, manakala seramai 42 anggota menerima penghargaan perkhidmatan kerana berkhidmat melebihi 25 tahun ke atas, serta 34 anggota yang telah atau pun akan berpencen pada tahun 2025. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah dan penghargaan ini.



## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PELAKSANAAN INISIATIF BANDAR PINTAR MBJB

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melakar satu lagi sejarah penting menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor pada 30 Mei 2025.

Memorandum persefahaman ini merupakan satu langkah strategik dalam memperkukuh kolaborasi rentas agensi ke arah merealisasikan Inisiatif Bandar Pintar MBJB, khususnya melalui pelaksanaan Aplikasi "JBI OCC Operation" – sebuah platform pengurusan insiden pintar yang dibangunkan oleh MBJB. Aplikasi ini bertujuan menyelaraskan tindakan segera dan efisien antara agensi terlibat dalam menghadapi insiden kecemasan di lapangan. Sebagai simbolik pelaksanaan, sebanyak tiga unit peranti mudah alih telah diserahkan kepada agensi terlibat sebagai sokongan terhadap pelaksanaan sistem pintar ini.

Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Johor Bahru, dan turut dihadiri oleh Dr. Faiz bin Maarof, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Hospital, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Supt. Elanggowan A/L Kobarajah, Timbalan Ketua Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (Kepolisian Am/Komuniti), Ibu Pejabat Kontinjen Johor dan PGKB I Zaipulbahri bin Mat Rusok@Hassan, Ketua Zon 1, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor.





# KILAS LENSA

1



5 Februari-  
Bicara buku kali ini menampilkan dua orang pegawai MBBJ, iaitu Puan Ir. Ts. Mazlifah binti Isa, Timbalan Pengarah Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam), Jabatan Kejuruteraan telah membicarakan buku berjudul "Langit Ilahi", digandingkan bersama Encik Mohd Yunus bin Embok Mosik, Penolong Pengarah Bangunan (Inovasi Bangunan & Permit Sementara) membicarakan buku berjudul "Arkitek Pelukis Jalanan". Moderator pada siri kali ini dikendalikan oleh Encik Mohd Noh bin Atan, Penolong Pengarah Pengurusan Harta, Jabatan Pengurusan Harta, MBBJ.

## Program Bicara Buku @ MBBJ

2



9 Februari 2025-  
Green Discovery - Experiential Learning Day Camp adalah satu program berkonsepkan terokai alam sekitar kepada kanak-kanak telah diadakan di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre, Johor Bahru. Seramai 40 orang peserta dalam kalangan kanak-kanak telah menyertai program yang dikendalikan oleh Duta Sejahtera JB (DutraJB).

## Green Discovery - Experiential Learning Day Camp

3



28 Februari 2025-  
Projek MyKiosk merupakan inisiatif kerajaan di bawah KPKT dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan untuk kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan. Hadir menyempurnakan program ialah YBhg. Dato' Haji Abd Rashid bin Kasman dan Encik Ahmad Al Mubarak bin Mohamed Kunyi, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## Sesi Cabutan Undi Mykiosk Taman Dahlia

4



5 Mac 2025-  
Siri bicara kali ini menampilkan Encik Abdul Hafiedz bin Abdul Ghazali, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Pegawai Khas Datuk Bandar) yang membicarakan buku, bertajuk "The Arab Uprisings" digandingkan bersama Encik Muhammad Syafizuddin bin Salim, Penolong Pengarah Landskap (Tapak Semaian), MBBJ membicarakan buku berjudul "Alex Ferguson". Moderator siri Bicara Buku kali ini dikendalikan oleh Puan Hidayah binti Yusof, Penolong Pengarah Pelesenan (Penjaja), MBBJ.

## Program Bicara Buku @ MBBJ

5



18 Mac 2025-  
Majlis penyerahan anak pokok gambir telah diadakan di Pejabat Jabatan Landskap Rumah Johor, Hutan Bandar. Persatuan Tiong Hua Johor Bahru, yang diketuai oleh Pengerusi Encik Ho Sow Tong, telah menyumbangkan sebanyak 15 anak pokok gambir kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Sumbangan ini diterima oleh Pengarah Jabatan Landskap, Puan Lar Mustika Ally binti Zulkifli. Pokok gambir mempunyai nilai sejarah yang penting dalam perkembangan ekonomi dan budaya Johor sejak dahulu lagi. Dengan inisiatif ini, MBBJ berharap dapat memelihara dan menghidupkan kembali kepentingan tanaman ini, selain memperkayakan kepelbagaian flora di kawasan bandar. Majlis turut dihadiri oleh YBhg Dato' Dr. Kassim bin Thukiman, Ahli Jumaah Majlis Diraja Johor.

## Majlis Penyerahan Anak Pokok Gambir oleh Persatuan Tiong Hua Johor Bahru Kepada MBBJ





# KILAS LENSA



7 Mei 2025 | Sungai Segget- Sesi 'walkabout' bersama Exco Belia & Sukan di 'Hardrock Jalan Segget' ini telah diadakan sebagai satu usaha mengeratkan hubungan MBBJ bersama komuniti setempat, menyantuni masyarakat serta melihat permasalahan, aduan dan cadangan penambahbaikan yang diutarakan komuniti.

## 'Walkabout Datuk Bandar MBBJ



6



25 Mei 2025 | TMIYC Johor Bahru Program ini mendedahkan penggunaan bahasa isyarat oleh orang kurang upaya mendengar kepada masyarakat. Para peserta dapat memahami keperluan mereka melalui bahasa isyarat tangan yang dipelajari sewaktu program ini.

## "JB True Story" Bahasa Isyarat Tangan



7



05 Jun 2025- Seramai 41 peniaga Pasar Pagi Orang Asli Bakar Batu menerima Insentif Khemah Usahawan Mikro daripada Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Usahawan Johor (PUJB). Bantuan ini bertujuan memberi keselesaan kepada para peniaga, yang majoritinya masyarakat Orang Asli, serta meningkatkan taraf ekonomi setempat.

## Penyerahan Khemah PUJB



8



15 Jun 2025- Program penuh warna dan mesej keamanan ini telah berlangsung dengan jayanya di Perpustakaan Sultan Ismail bermakan "Let's Be Friends!". Pertandingan ini dianjurkan oleh International Women's Peace Group dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Ismail, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

## 7th International 'Loving Peace Art Competition'



9



24 Jun 2025- Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor serta Pertubuhan Guru Perpustakaan dan Media (PGPM) telah menganjurkan satu program berimpak tinggi di TMIYC, Hutan Bandar Johor Bahru yang menghimpunkan 120 orang pelajar sekolah menengah dari seluruh negeri Johor.

## Eksplorasi Bahasa Jejak Maklumat



10





## PROGRAM TRANSFORMASI TVETMBJB@TEBRAU - MELAHIRKAN GENERASI MAHIR, MENEPATI ASPIRASI SDG

Program Transformasi TVETMBJB @ Tebrau anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melalui Jawatankuasa LA21 Pembangunan Sosial dan Inklusiviti telah berlangsung dengan jayanya pada 31 Mei 2025. Inisiatif ini merupakan langkah proaktif MBJB ke arah menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG), khususnya dalam aspek pendidikan berkualiti, pekerjaan yang baik, dan pertumbuhan ekonomi inklusif. Program ini menyasarkan pelajar sekolah menengah bagi membantu mereka menentukan hala tuju kerjaya melalui pendedahan awal kepada bidang kemahiran. Selain itu program ini melibatkan orang perseorangan yang berminat meneroka peluang dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Pelbagai agensi kemahiran dan institusi latihan turut serta, antaranya ILP Pasir Gudang, GiatMARA Tebrau, Yayasan Pelajaran Johor, Politeknik Ibrahim Sultan, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan dan "JSkill Development Centre".

Turut hadir memeriahkan program ini ialah YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru; YBhg. Dato' Haji A. Aziz Bin Ahmad, Ketua Whip MBJB; Tuan Haji Mohd Farid bin Hassan, serta barisan Ahli-ahli Majlis MBJB yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menyokong pembangunan modal insan berasaskan kemahiran di peringkat bandar raya.



## JB DISCOVERY HUNT 2025 MENGGEGAR BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan program "JB Discovery Hunt 2025" pada 14 Jun 2025 yang lalu. Program ini melibatkan seramai 208 peserta dari 51 pasukan yang telah menyahut cabaran menelusuri lapan (8) lokasi ikonik yang menjadi simbol sejarah, budaya dan identiti Johor Bahru iaitu di Arca "Zero Mile" (Kilometer 0), "Johor Collection Centre", Bangunan Bank Rakyat, Zoo Johor, Yayasan Warisan Johor, Taman Merdeka, Hutan Bandar dan TMIYC Johor Bahru.

Acara ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Encik Yazman Hafith bin Dato' Ismail, Ahli-Ahli Majlis MBJB serta barisan warga kerja MBJB.

10 pasukan terbaik berjaya membawa pulang hadiah lumayan yang telah disediakan. Terima kasih diucapkan kepada semua rakan strategik program serta para peserta yang memberikan sepenuh tenaga, semangat dan kreativiti!



## MBJB Turut Serta Dalam Pertandingan Hari Landskap Negara 2025

24 Jun 2025 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut menyertai Pertandingan Hari Landskap Negara 2025 yang berlangsung di Taman Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang.

Bertemakan "Genius Loci (Spirit of Place)", penyertaan MBJB menampilkan rekabentuk laman bertajuk "Future of Johor Bahru: Jauhar Zamrud", yang menggambarkan semangat tempat dengan menonjolkan identiti, karakter serta nilai budaya unik daerah Johor Bahru. Konsep yang diketengahkan merangkumi zon hijau dan pembangunan bersepadu, melambangkan masa depan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya yang menyatukan elemen alam, landskap, taman bandar dan ruang awam dalam perancangan dan

Sempena sambutan ini, semua warga kota dijemput hadir dan memeriahkan Hari Landskap Negara yang padat dengan pelbagai aktiviti menarik, pameran landskap, bengkel hijau, persembahan seni dan banyak lagi!

Jom bersama kita semarakkan semangat kelestarian dan cintai alam sekitar demi Johor Bahru yang lebih hijau, mampan dan berdaya huni.



## Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pendidikan Kelestarian LA21 MBJB 2024

Pertandingan Pendidikan Kelestarian LA21 Majlis Bandaraya Johor Bahru Tahun 2024 telah melabuhkan tirainya menerusi Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan di Menara MBJB pada 30 Jun 2025. Majlis penutup yang berlangsung ini bukan sekadar satu simbolik penyampaian hadiah, tetapi turut menjadi manifestasi komitmen MBJB dalam mendidik dan memupuk kesedaran kelestarian dalam kalangan warga sekolah dan komuniti.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat dari pelbagai agensi dan institusi yang menjadi rakan strategik pintar dalam menjayakan agenda kelestarian di peringkat bandar raya Johor Bahru. Hadir mewakili Datuk Bandar Johor Bahru ialah Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB diiringi oleh YBhg. Datuk Haji A. Aziz bin Ahmad, Ketua Whip MBJB, serta barisan Ahli Majlis yang sentiasa menyokong usaha kelestarian bandar. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Yahya bin Jaafar, Pengerusi PIBKS Negeri Johor & Kebangsaan, Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Pendidikan Negeri Johor yang sentiasa menjadi rakan strategik dalam membudayakan pendidikan lestari di sekolah.

MBJB amat menghargai kolaborasi pelbagai pihak seperti Universiti Teknologi Malaysia yang diwakili oleh Dr. Farah Wahidah binti Abd. Rahman serta SWM Environment Sdn. Bhd. yang diwakili Encik Fadzly bin Ahmaddun, yang memainkan peranan penting dalam aspek pemantauan, kajian dan sokongan teknikal.

Tahun ini menyaksikan penyertaan memberangsangkan daripada 123 buah sekolah rendah dan menengah, yang bukan sahaja menyampaikan mesej kesedaran, malah membuktikan bahawa generasi muda mampu menjadi ejen perubahan dalam usaha memelihara alam sekitar.



# LEPAK BANDO JB



Imbas Kod QR untuk menonton siri 'podcast' terbitan MJB.

(Tajuk Podcast: 'Puasa')



Episod 1

Edisi Bersama Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf, Ketua Penolong Pengarah Integriti dan Pemodenan Pentadbiran

(Tajuk Podcast: 'Kesihatan Mental Pekerja')



Episod 2

Edisi Bersama Puan PMgr Sr. Syafini binti Mohi, Pengarah Pengurusan Harta, MJB

'Podcast Lepak Bando JB' kembali pada musim kedua pada tahun 2025 ini dan menampilkan terbitan beberapa episod yang dihoskan oleh Puan Nurul Lailatulbalqis binti Jenal, Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sebanyak empat episod telah berjaya diterbitkan untuk edisi kali ini bersama panel jemputan yang mengupas isu semasa berkaitan ibadah puasa, kesihatan mental, program kemahiran (TVET) dan sebagainya. 'Podcast Lepak Bando JB' membincangkan isu-isu semasa secara santai yang menjadi trend terkini di samping mempromosi nama MJB dari medium yang lain.

Episod 3



Tajuk Podcast: TVET Bukan Plan B, Tapi Plan Terbaik  
Edisi Bersama Encik Fauzi bin Faizal, Ahli Majlis Zon Tiram MJB

Tajuk Podcast:

Smart City: Sejahtera Mana 'Pintarnya' Bando JB Ni



Episod 4

Edisi Bersama Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf, Ketua Penolong Pengarah Integriti dan Pemodenan Pentadbiran

Sekitar aktiviti kru produksi semasa sesi rakaman 'Podcast Lepak Bando JB Musim Kedua'.



# Fadzil bin Mohammad

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan  
– Teknologi Maklumat MBBJ

Tuan Haji Fadzil bin Haji Mohammad, merupakan seorang pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang memegang jawatan sebagai Pengarah Teknologi Maklumat di Jabatan Teknologi Maklumat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Major) dan Pengajian Islam Perundangan Syariah (minor) dengan Kepujian dari Universiti Sains Malaysia (USM).



## Pengalaman Kerja

### Morabu Hanshin, Kobe Jepun

Jurutera Perisian (12 bulan)

Membuat aturcara binaan dalam cip untuk Panarobo untuk Syarikat Masushita Jepun

### SemuaNiaga

Juruanalisa Sistem (3 bulan)

Membangunkan Sistem Permohonan Perumahan untuk KEJORA

### AidaDatacomp

Jurutera Perisian (12 bulan)

Membangunkan sistem koperasi guru di Mersing, Johor.

### KPMNJ

Pengurus Komputer (7 bulan)

Mentadbir sistem ahli koperasi, sistem gaji, sistem sumber manusia menggunakan "server PDP-11"

### MPJB/MBJB

Juruanalisa Sistem (1990 - 28 November 2025)

Mengetuai unit/Bahagian/Jabatan komputer

## Sumbangan

### Sistem pengoperasian MBBJ :

Terlibat membawa MBBJ dari teknologi sistem pengoperasian bermula dari "unix" hingga ke teknologi sekarang iaitu "windows".

#### Evolusi Teknologi:

UNIX > HPUX > PRIMOS > MSDOS > NOVELL > WINDOWS

#### Perakam Waktu :

Sistem perakam waktu kehadiran dan balik di MBBJ juga telah melalui berbagai evolusi bermula kad jenis "barcode".

#### Evolusi Teknologi:

KAD BARCODE > MAGNETRIK STRIPE > PALM > BIOMETRIK

#### Mesyuarat Terbuka :

Terlibat dalam reka bentuk mesyuarat menggunakan rakaman dan disiarkan dalam laman web MBBJ dengan kos bawah RM 20,000. Hasilnya mendapat pujian orang awam dan menjadi contoh oleh pihak SUKJ kerana telus dalam pembentangan mesyuarat dan kini metodologi ini diguna pakai dengan kaedah mesyuarat dalam talian (online) juga mesyuarat penuh PBT-KPKT..

### Radio Internet :

Membangunkan stesen RADIO INTERNET satu-satunya PBT di Johor selama 3 tahun dengan Slogan "ANDA DENGAR KAMI SUKA". Kini KPKT telah membuat Radio PBT dan Radio Bandaraya.

### Sistem "In house" :

MBJB satu-satunya PBT di Johor yang memiliki sistem aplikasi yang dibangunkan secara dalaman (In house) bermula dari dahulu hingga sekarang. Kini hampir semua PBT di Johor telah menggunakan konsep yang sama iaitu terdapat pembangunan sistem secara dalaman (In house) untuk menjimatkan kos perolehan dan kos masa.

## Penglibatan

### KIK-HIBRID (2017) :

KIK HIBRID bersama pihak KPDNKK, SSM, MBPG dan MBJB. Beliau membangunkan sistem aplikasi penjaan "qr code" dan menyemakan gabungan premis menggunakan telefon pintar

### SEMINAR ICT PBT MALAYSIA (2015) :

Beliau memberi ceramah mengenai Perkongsian Pintar MBBJ dengan PBT Malaysia mengenai Sistem Tunda Kenderaan "MyVIS".

### FORUM PERDANA (2019) :

Peranan Ilmu dan IT Dalam Pembangunan Masyarakat. Moderator : Ustaz Hamka Idris -Beliau menjadi Panel untuk isu-isu ICT bersama tiga orang panel lain.

### GARIS PANDUAN PENGADAPTASIAN AI SEKTOR AWAM (2024) :

Beliau mewakili PBT Malaysia dalam membuat garis panduan libat urus pengadaptasi Kecerdasan Buatan (AI) untuk Sektor Awam bersama-sama doktor dan profesor dari universiti tempatan dan beberapa konsultan syarikat.

### 'ICTSO SECURITY OFFICER" (2015) :

Beliau menjaga keselamatan sistem komputer dan data untuk MBBJ.



1.10.2024

Tuan Haji Mohd Farid Hassan, Setiausaha MBBJ Baharu

10.10.2024

Majlis Sanggar Memori Kelab Excel MBBJ

05.11.2024



Simposium Lestari Johor Bahru

23.11.2024



JB Tower Run @ Menara MBBJ

7 & 8.12.2024



Community Fest di Pusat Sivik Larkin Johor Bahru

21.12.2024



Program "Yok! Ke PSI" di Perpustakaan Sultan Ismail, Larkin

22.12.2024



Sesi "Walkabout" Zon Tiram, MBBJ

22.12.2024



Malam Apresiasi Media 2024

29.12.2024



Rakaman Forum Perdana Hal Ehwal Islam di Menara MBBJ

31.12.2024



"JB Neon Recreational Night" & Sambutan Ulang Tahun ke-31 MBBJ di Dataran Bandaraya Johor Bahru

# PENGHARGAAN BUAT CIMB FOUNDATION



CIMB Foundation, melalui Jawatankuasa Kerjasama Awam & Swasta LA21 MBBJ telah menjadi rakan strategik utama dalam menjayakan Program Penanaman Pokok Bakau di Persisiran Sungai Tebrau pada 20 Oktober 2025. Program ini bertujuan meningkatkan lagi kepelbagaian spesies flora dan fauna di kawasan Sungai Tebrau, mengurangkan risiko abrasi dan tanah runtuh serta menghijaukan dan memulihara ekosistem persisiran Sungai Tebrau.

# PENGHARGAAN BUAT PRESGO GATEWAYS SDN. BHD. & JLG METRO SDN BHD



Melalui Jawatankuasa Kerjasama Awam & Swasta LA21 MBBJ, Presgo Gateways Sdn. Bhd merupakan rakan strategik utama dalam menjayakan Program 'Most Historical Art On Wall' Di Tembok Tasek Utara, Taman Merdeka Johor Bahru pada 12 Januari 2025. Turut menyumbang sebagai rakan strategik adalah pihak JLG Metro Sdn Bhd.



**Biocon Biologics**



# PENGHARGAAN BUAT BIOCON BIOLOGICS

Biocon Biologics merupakan rakan strategik utama dalam menjayakan Program Penanaman Pokok di Anak Sungai Tiram, Johor Bahru pada 18 Januari 2025, sebagai langkah pemeliharaan alam sekitar dan sumber air bandar raya. Sebanyak 200 anak pokok salam (*Syzygium polyanthum*) serta tanah gambut yang disumbangkan oleh pihak Biocon Sdn. Bhd. untuk ditanam di sekitar anak Sungai Tiram.





19 JANUARI 2025- "SEARCH AND DESTROY" (SND) ZON STULANG DI KIM TENG PARK



PROGRAM GOTONG ROYONG "SEARCH AND DESTROY"  
Anjuran: Persatuan Perumahan dan Yهوداء Kim Teng Park, Johor Bahru  
Tempat Berkumpul: Jalan Salleh, Taman Kim Teng, Johor Bahru  
Dirasmik oleh: Y.Bhg. Encik Bong Seng Heng  
Majlis MB38 Zon Stulang



2 FEBRUARI - "SEARCH AND DESTROY" (SND) ZON BANDAR DI TAMAN NONG CHIK



## ZON AHLI MAJLIS & KOMUNITI



22 FEBRUARI 2023 - PROGRAM SEJATI MADANI AGROFARM ZON DATO ONN



23 FEBRUARI- PROGRAM "GO GREEN" SUNGAI TEBRAU, KG. BAKAR BATU

23 FEBRUARI 2025- "WALKABOUT" ZON TAMAN MOLEK DI DEWAN RAYA LAMAN TASIK PANDAN



KESEDARAN KEBAKARAN DI KAWASAN PERUMAHAN ZON MOUNT AUSTIN PERDANA



4 MEI 2025- PROGRAM JUALAN RAHMAH ZON AUSTIN DUTA DI TAMAN IMPIAN RIA, IMPIAN INDAH



17 MEI 2025- PROGRAM KARNIVAL PENDIDIKAN ZON JOHOR JAYA DI DEWAN MUAFAKAT JOHOR JAYA

# MBJB SANA SINI

22 FEBRUARI 2025



PROGRAM "JELAJAH BERSIH BANDAR" DI DEWAN DESA CEMERLANG

23 FEBRUARI 2025



PROGRAM "SEMARAK SUBUH" DI MASJID SULTAN ISKANDAR, BANDAR DATO' ONN

25 MAC 2025



MISI BANTUAN PASCA BANJIR DI AKADEMI DARUL HUFFAZ KG. MAJU JAYA

16 MEI 2025



PELANCARAN INSENTIF KHEMAM USAHAWAN MIKRO MBJB

15 JUN 2025



"GREEN DISCOVERY" DI TMIYC JOHOR BAHRU

21 JUN 2025



KOMUNITI FEST ZON TAMPOI DI B5 STREET MARKET

22 JUN 2025



'JB RUN BIKE' EDISI PIALA DATUK BANDAR DI TOPPEN JOHOR BAHRU

26 JUN 2025



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SEMARAK BAHASA NEGERI JOHOR DI PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL



Dah bayar cukai harta?  
**JOM BAYAR CUKAI HARTA MBBB !!**  
Hujung jari anda sahaja.....


TERTAKLUK KEPADA PINDAAN



## MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBB

*Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra Kepada Pelanggan*

**MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum,  
80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim.

 [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

ISSN 2637-3034



9 772637 101009